

KEFAHAMAN BACAAN BAHASA MELAYU
MURID TAHAP II SEKOLAH RENDAH

YAHYA CHE LAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2014

**KEFAHAMAN BACAAN BAHASA MELAYU
MURID TAHAP II SEKOLAH RENDAH**

YAHYA CHE LAH

**Tesis ini diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

JUN 2014

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya tesis ini dapat disempurnakan setelah melalui pelbagai dugaan dan cabaran. Sebagai kakitangan akademik penuh masa dan pelajar sambilan program ijazah lanjutan, saya menguatkan azam dan iltizam bagi memenuhi kedua-dua tanggungjawab tersebut. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang telah membantu saya menyiapkan kajian ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Hashim Othman yang banyak memberikan semangat dan bimbingan yang bernilai dari awal hingga akhir kajian ini. Terima kasih saya kepada Dr. Hazri Jamil yang sering memberikan dorongan dan pandangan dalam kajian ini. Saya juga terhutang budi dengan Profesor Dr. Abdul Rashid Mohamad, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang tidak jemu-jemu memberikan rangsangan dan galakan sehingga selesai kajian ini.

Saya juga amat berterima kasih kepada Profesor Madya Omar Majid, mantan Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh kerana memberi saya peluang untuk melanjutkan pengajian.

Akhir sekali, pengorbanan dan sokongan yang diberikan oleh keluarga tersayang, khususnya isteri tercinta yang sentiasa sabar, tenang dan tidak jemu-jemu memberikan semangat dan pandangan tentang kajian ini, Nor Hashimah Hashim, dan putera-putera yang sentiasa mengambil berat tentang kesihatan dan pengajian ayahnya, Yusri, Yazid, Yasir, Yaqin dan Hakiim, amat saya hargai dan sanjung tinggi. Kedatangan puteri-puteri yang menjadi ahli baru keluarga kami, Shakila dan Siti Soraya Lin, cucunda yang comel, Mus'ab Al-Khair, melengkapkan kesudahan kajian saya ini. Pengorbanan ayahanda dan Allahyarhamah ibunda tercinta yang memungkinkan saya sampai ke peringkat ini merupakan kenangan abadi sehingga akhir hayat.

ISI KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|---|----------------|
| PENGHARGAAN | iii |
| ISI KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI KATA SINGKATAN | xiv |
| ABSTRAK | xv |
| ABSTRACT | xvi |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.3 Tujuan dan Objektif Kajian | 13 |
| 1.4 Soalan Kajian | 14 |
| 1.5 Hipotesis Kajian | 14 |
| 1.6 Kerangka Konsep Kajian | 15 |
| 1.7 Definisi Operasional | 17 |
| 1.7.1 Kefahaman Bacaan | 17 |
| 1.7.2 Kategori Kefahaman Bacaan | 18 |
| 1.7.3 Aras dan Tanda Aras | 20 |
| 1.7.4 Rubrik dan Deskripsi | 21 |
| 1.7.5 Murid Sekolah Rendah | 22 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 22 |
| 1.9 Batasan Kajian | 23 |
| 1.10 Kesimpulan | 24 |
| | |
| BAB 2 SOROTAN LITERATUR | 25 |
| 2.1 Pendahuluan | 25 |
| 2.2 Teori Membaca | 25 |
| 2.2.1 Teori Tradisional | 26 |
| 2.2.2 Teori Kognitif | 27 |
| 2.2.3 Teori Metakognitif | 28 |
| 2.3 Konsep Membaca dan Kefahaman | 31 |
| 2.4 Kefahaman Bacaan dalam Sukatan Pelajaran BM Sekolah Rendah | 35 |
| 2.5 Model Kefahaman Bacaan | 42 |
| 2.5.1 Model Saling Berhubungan dan Model Peringkat Demi Peringkat | 43 |
| 2.5.2 Model Kemahiran dan Hasil Membaca | 47 |
| 2.5.3 Model Penilaian Kefahaman Bacaan | 49 |
| 2.6 Tinjauan Taksonomi dan Kemahiran Kefahaman | 55 |

| | | |
|--------------|--|------------|
| 2.6.1 | Kepelbagaian Taksonomi atau Kategori dan Kemahiran Kefahaman | 55 |
| 2.6.2 | Taksonomi Barrett – Dimensi Kognitif dan Afektif | 66 |
| 2.3.3 | Pemilihan Taksonomi/Kategori dan Kemahiran Kefahaman | 70 |
| 2.7 | Ciri-ciri Ujian yang Baik | 73 |
| 2.7.1 | Kesahan | 73 |
| 2.7.2 | Kebolehpercayaan | 75 |
| 2.7.3 | Praktikal | 79 |
| 2.8 | Rubrik Tanda Aras Kefahaman Bacaan | 80 |
| 2.8.1 | Rubrik Tanda Aras Kefahaman Bacaan PIRLS | 80 |
| 2.8.1.1 | Latar Belakang Kajian Literasi Membaca-PIRLS | 81 |
| 2.8.1.2 | Ujian Kefahaman Bacaan PIRLS | 82 |
| 2.8.1.3 | Rubrik Tanda Aras PIRLS | 89 |
| 2.9 | Tinjauan Kajian-kajian Berkaitan | 91 |
| 2.9.1 | Kefahaman Bacaan di Malaysia | 91 |
| 2.9.2 | Kemahiran dan Kefahaman Bacaan di Luar Negara | 95 |
| 2.9.3 | Tanda Aras Kefahaman Bacaan | 98 |
| 2.9.4 | Kajian Berkaitan Umur | 102 |
| 2.9.5 | Kajian Berkaitan Jantina | 104 |
| 2.9.6 | Kajian Berkaitan Lokasi (Bandar dan Luar Bandar) | 109 |
| 2.10 | Kerangka Teori Kajian | 115 |
| 2.11 | Kesimpulan | 120 |
| BAB 3 | METODOLOGI | 122 |
| 3.1 | Pendahuluan | 122 |
| 3.2 | Reka Bentuk | 122 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian | 126 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 129 |
| 3.4.1 | Kandungan Ujian Kefahaman Bacaan BM Sekolah Rendah | 130 |
| 3.4.1.1 | Kategori dan Kemahiran Kefahaman | 131 |
| | Kategori Kefahaman Literal | 131 |
| | Kategori Kefahaman Inferens | 132 |
| | Kategori Kefahaman Kritikal-Kreatif | 133 |
| 3.4.1.2 | Teks Bacaan | 134 |
| 3.4.1.3 | Item Ujian | 134 |
| 3.4.1.4 | Pilihan Jawapan | 138 |
| 3.4.2 | Pelaksanaan Kajian Rintis | 140 |
| 3.4.3 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 141 |
| 3.4.3.1 | Indeks dan Aras Kesukaran Item | 142 |
| 3.4.3.2 | Indeks Diskriminasi dan Penilaian Item | 143 |
| 3.4.3.3 | Analisis Keseluruhan dan Kategori Kefahaman (Konstruksi) | 144 |
| 3.4.3.4 | Analisis Item Kategori Literal | 146 |
| 3.4.3.5 | Analisis Item Kategori Inferens | 149 |

| | | |
|--------------|---|------------|
| 3.4.3.6 | Analisis Item Kategori Kritikal-Kreatif | 151 |
| 3.4.4 | Pengubahsuaian Ujian Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II | 151 |
| 3.5 | Pembinaan Tanda Aras, Rubrik dan Deskripsi | 158 |
| 3.6 | Tatacara Pengumpulan Data | 163 |
| 3.7 | Tatacara Analisis Data | 165 |
| 3.8 | Kesimpulan | 167 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA DAN DAPATAN | 168 |
| 4.1 | Pendahuluan | 168 |
| 4.2 | Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Secara Keseluruhan dan Khusus Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan (SK1) | 169 |
| 4.2.1 | Analisis Secara Keseluruhan | 169 |
| 4.2.2 | Analisis Secara Khusus Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan | 170 |
| 4.2.3 | Kriteria Menentukan Julat Aras Kefahaman Bacaan BM | 172 |
| 4.2.4 | Padanan Julat Aras Kefahaman dan PSAE | 174 |
| 4.3 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah yang Dikuasai dan Tidak Dikuasai Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan (SK2) | 175 |
| 4.3.1 | Kemahiran dalam Kategori Literal | 175 |
| 4.3.2 | Kemahiran dalam Kategori Inferens | 177 |
| 4.3.3 | Kemahiran dalam Kategori Kritikal | 179 |
| 4.3.4 | Rumusan | 181 |
| 4.4 | Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Berdasarkan Pemboleh Ubah Demografi (SK 3) | 182 |
| 4.4.1 | Perbezaan Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahun 4, 5, dan 6 (Ho1) | 183 |
| 4.4.2 | Perbezaan Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Lelaki dan Perempuan (Ho2) | 185 |
| 4.4.3 | Perbezaan Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Bandar dan Luar Bandar (Ho3) | 187 |
| 4.5 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah yang Dikuasai Berdasarkan Pemboleh Ubah Demografi (SK4) | 188 |
| 4.5.1 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM yang Dikuasai Murid Berdasarkan Tahun Persekolahan | 189 |
| 4.5.1.1 | Kemahiran dalam Kategori Literal | 189 |
| | Tahun 4 | 189 |
| | Tahun 5 | 190 |
| | Tahun 6 | 190 |

| | | |
|--------------|--|------------|
| 4.5.1.2 | Kemahiran dalam Kategori Inferens | 192 |
| | Tahun 4 | 192 |
| | Tahun 5 | 193 |
| | Tahun 6 | 193 |
| 4.5.1.3 | Kemahiran dalam Kategori Kritikal | 193 |
| | Tahun 4 | 195 |
| | Tahun 5 | 195 |
| | Tahun 6 | 196 |
| 4.5.2 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM yang Dikuasai Murid Berdasarkan Jantina | 197 |
| 4.5.2.1 | Kemahiran dalam Kategori Literal | 197 |
| | Murid Lelaki | 198 |
| | Murid Perempuan | 198 |
| 4.5.2.2 | Kemahiran dalam Kategori Inferens | 199 |
| | Murid Lelaki | 200 |
| | Murid Perempuan | 200 |
| 4.5.2.3 | Kemahiran dalam Kategori Kritikal | 201 |
| | Murid Lelaki | 202 |
| | Murid Perempuan | 202 |
| 4.5.3 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM yang Dikuasai Murid Berdasarkan Lokasi | 203 |
| 4.5.3.1 | Kemahiran dalam Kategori Literal | 203 |
| | Bandar | 203 |
| | Luar Bandar | 204 |
| 4.5.3.2 | Kemahiran dalam Kategori Inferens | 205 |
| | Bandar | 205 |
| | Luar Bandar | 206 |
| 4.5.3.3 | Kemahiran dalam Kategori Kritikal | 207 |
| | Bandar | 207 |
| | Luar Bandar | 208 |
| 4.6 | Rubrik dan Deskripsi Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Secara Khusus dan Keseluruhan (SK 5) | 208 |
| 4.6.1 | Penentuan Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM | 208 |
| 4.6.2 | Proses Pembinaan Rubrik dan Deskripsi Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Secara Khusus dan Keseluruhan | 210 |
| 4.6.3 | Penggunaan Rubrik dan Deskripsi Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM | 218 |
| 4.7 | Kesimpulan | 220 |
| BAB 5 | PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI | 221 |
| 5.1 | Pendahuluan | 221 |
| 5.2 | Rumusan Dapatan | 221 |

| | | |
|---------|---|-----|
| 5.2.1 | Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan (SK1) | 222 |
| 5.2.2 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah yang Dikuasai dan Tidak Dikuasai Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan (SK2) | 224 |
| 5.2.3 | Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Berdasarkan Pemboleh Ubah Demografi (SK3) | 225 |
| 5.2.3.1 | Perbezaan Aras Kefahaman Bacaan BM Mengikut Tahun Persekolahan | 225 |
| 5.2.3.2 | Perbezaan Aras Kefahaman Bacaan BM Mengikut Jantina | 226 |
| 5.2.3.3 | Perbezaan Aras Kefahaman Bacaan BM Mengikut Lokasi | 226 |
| 5.2.4 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah yang Dikuasai Berdasarkan Pemboleh Ubah Demografi (SK4) | 227 |
| 5.2.4.1 | Kemahiran yang Dikuasai Berdasarkan Tahun Persekolahan | 227 |
| 5.2.4.2 | Kemahiran yang Dikuasai Berdasarkan Jantina | 227 |
| 5.2.4.3 | Kemahiran yang Dikuasai Berdasarkan Lokasi | 227 |
| 5.2.5 | Rubrik dan Deskripsi Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Secara Khusus dan Keseluruhan (SK5) | 237 |
| 5.3 | Perbincangan | 239 |
| 5.3.1 | Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Secara Keseluruhan dan Khusus Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan | 239 |
| 5.3.2 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah yang Dikuasai dan Tidak Dikuasai Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan | 241 |
| 5.3.3 | Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah Berdasarkan Pemboleh Ubah Demografi | 244 |
| 5.3.4 | Kemahiran Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II yang Dikuasai Berdasarkan Pemboleh Ubah Demografi | 246 |
| 5.3.5 | Rubrik dan Deskripsi Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah | 250 |
| 5.4 | Implikasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan | 252 |
| 5.4.1 | Implikasi Kajian | 252 |
| 5.4.2 | Cadangan Kajian Lanjutan | 255 |
| 5.5 | Kesimpulan | 256 |
| | Rujukan | 258 |
| | Lampiran | 273 |
| | Lampiran 1 Ujian Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II | 273 |

| | |
|--|-----|
| Lampiran 2 Analisis Keseluruhan | 295 |
| Lampiran 3 Analisis Kemahiran Kefahaman Bacaan Mengikut Kategori | 296 |
| Lampiran 4 Prof. Dr. Saedah Siraj | 297 |
| Lampiran 5 Prof. Dr. Mahzan Arshad | 305 |
| Lampiran 6 Dr. Norain Md. Nor | 307 |

SENARAI JADUAL

| | HALAMAN | |
|-------------|--|-----|
| Jadual 1.1 | Analisis Kategori Soalan Kefahaman UPSR 1999-2006 | 12 |
| Jadual 2.1 | Kategori Kefahaman Daripada Pelbagai Sumber | 59 |
| Jadual 2.2 | Kategori dan kemahiran-kemahiran Kefahaman | 62 |
| Jadual 2.3 | Kategori dan kemahiran Kefahaman Bacaan-PIRLS | 64 |
| Jadual 2.4 | Kategori dan Kemahiran/Aktiviti Kefahaman Bacaan Miller (2001) | 65 |
| Jadual 2.5 | Taksonomi Barret (1976) dan Kemahiran Kefahaman Bacaan | 67 |
| Jadual 2.6 | Kategori dan Kemahiran Kefahaman dalam Kajian Nor Hashimah dan Rakan-rakan (2006) | 71 |
| Jadual 2.7 | Teknik Persampelan Matrik PIRLS | 83 |
| Jadual 2.8 | Reka Bentuk Buku Ujian PIRLS | 89 |
| Jadual 2.9 | Penilaian Membaca PIRLS: Proses dan Tujuan Membaca | 86 |
| Jadual 2.10 | Peraturan Penilaian Membaca Berkaitan Tujuan dan Proses Membaca | 86 |
| Jadual 2.11 | Tanda Aras Antarabangsa Berkaitan Proses Kefahaman | 90 |
| Jadual 3.1 | Bilangan Sampel Kajian | 129 |
| Jadual 3.2 | Teks yang digunakan dalam Ujian Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah | 135 |
| Jadual 3.3 | Jadual Spesifikasi Item Ujian Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah | 136 |
| Jadual 3.4 | Item Ujian Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Sekolah Rendah | 137 |
| Jadual 3.5 | Contoh Pilihan Jawapan Ujian Kefahaman Bacaan BM | 139 |
| Jadual 3.6 | Bilangan Murid Tahap II dalam kajian Rintis | 140 |
| Jadual 3.7 | Indeks dan Aras Kesukaran | 143 |
| Jadual 3.8 | Indeks Diskriminasi dan Penilaian Item | 144 |
| Jadual 3.9a | Kebolehpercayaan Item | 145 |
| Jadual 3.9b | Rumusan Statistik Item | 145 |
| Jadual 3.9c | Analisis Item 'Split-Half' (N=316) | 145 |
| Jadual 3.9d | Analisis Korelasi Pearson | 146 |
| Jadual 3.10 | Indeks dan Aras Kesukaran Item | 146 |
| Jadual 3.11 | Indeks Diskriminasi dan Penilaian Item | 146 |
| Jadual 3.12 | Analisis Item Kategori Literal | 148 |
| Jadual 3.13 | Analisis Item Kategori Inferens | 150 |
| Jadual 3.14 | Analisis Item Kategori Kritikal-Kreatif | 151 |
| Jadual 3.15 | Jadual Spesifikasi Item Kajian Sebenar | 154 |
| Jadual 3.16 | Pelaksanaan Ujian Kefahaman Bacaan BM di Sekolah Rendah | 164 |
| Jadual 3.17 | Rumusan Analisis Deskriptif dan Inferens | 165 |
| Jadual 4.1 | Data Deskriptif Skor Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II (n=2013) | 170 |
| Jadual 4.2 | Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Mengikut Kategori Literal, Inferens dan Kritikal | 171 |

| | | |
|--------------|--|-----|
| Jadual 4.3 | Perbezaan Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Mengikut Kategori Literal, Inferens dan Kritikal | 172 |
| Jadual 4.4 | Menentukan Julat Aras Kefahaman Bacaan Kefahaman | 174 |
| Jadual 4.5 | Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II | 175 |
| Jadual 4.6 | Kemahiran dalam Kategori Literal yang Dikuasai Murid Tahap II (n=2013) | 176 |
| Jadual 4.7 | Kemahiran dalam Kategori Inferens yang Dikuasai Murid Tahap II (n=2013) | 178 |
| Jadual 4.8 | Kemahiran dalam Kategori Kritikal yang Dikuasai Murid Tahap II (n=2013) | 180 |
| Jadual 4.9 | Rumusan Kemahiran yang Dikuasai dan Tidak Dikuasai | 180 |
| Jadual 4.10 | Skor Min dan Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahun 4, 5 dan 6 | 183 |
| Jadual 4.11 | Perbezaan Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Tahun 4, 5 dan 6 – Ujian Anova | 184 |
| Jadual 4.12 | Perbezaan Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Tahun 4, 5 dan 6 – Ujian <i>Post Hoc Tukey</i> | 185 |
| Jadual 4.13 | Skor Min dan Aras Kefahaman Bacaan Murid Lelaki dan Perempuan | 186 |
| Jadual 4.14 | Perbezaan Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Lelaki dan Perempuan | 186 |
| Jadual 4.15 | Skor Min dan Aras Kefahaman Bacaan Murid Bandar dan Luar Bandar | 187 |
| Jadual 4.16 | Perbezaan Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Bandar dan Luar Bandar | 188 |
| Jadual 4.17a | Kemahiran Kategori Literal yang Dikuasai Murid Berdasarkan Tahun Persekolahan | 189 |
| Jadual 4.17b | Rumusan Kemahiran Kategori Literal yang Dikuasai Murid Berdasarkan Tahun Persekolahan | 191 |
| Jadual 4.18a | Kemahiran Kategori Inferens yang Dikuasai Murid Berdasarkan Tahun Persekolahan | 192 |
| Jadual 4.18b | Rumusan Kemahiran Kategori Inferens yang Dikuasai Murid Berdasarkan Tahun Persekolahan | 194 |
| Jadual 4.19a | Kemahiran Kategori Kritikal yang Dikuasai Murid Berdasarkan Tahun Persekolahan | 195 |
| Jadual 4.19b | Rumusan Kemahiran Kategori Kritikal yang Dikuasai Murid Berdasarkan Tahun Persekolahan | 196 |
| Jadual 4.20a | Kemahiran Kategori Literal yang Dikuasai Murid Lelaki dan Perempuan | 197 |
| Jadual 4.20b | Rumusan Kemahiran Kategori Literal yang Dikuasai Murid Berdasarkan Jantina | 199 |
| Jadual 4.21a | Kemahiran Kategori Inferens yang Dikuasai Murid Lelaki dan Perempuan | 199 |
| Jadual 4.21b | Rumusan Kemahiran Kategori Inferens yang Dikuasai Murid Berdasarkan Jantina | 201 |

| | | |
|--------------|---|-----|
| Jadual 4.22a | Kemahiran Kategori Kritikal yang Dikuasai Murid Lelaki dan Perempuan | 201 |
| Jadual 4.22b | Rumusan Kemahiran Kategori Kritikal yang Dikuasai Murid Berdasarkan Jantina | 202 |
| Jadual 4.23a | Kemahiran Kategori Literal yang Dikuasai Murid Bandar dan Luar Bandar (n=2013) | 203 |
| Jadual 4.23b | Rumusan Kategori Literal yang Dikuasai Murid berdasarkan Lokasi | 205 |
| Jadual 4.24a | Kemahiran Kategori Inferens yang Dikuasai Murid Bandar dan Luar Bandar (n=2013) | 205 |
| Jadual 4.24b | Rumusan Kategori Inferens yang Dikuasai Murid berdasarkan Lokasi | 207 |
| Jadual 4.25a | Kemahiran Kategori Kritikal yang Dikuasai Murid Bandar dan Luar Bandar (n=2013) | 207 |
| Jadual 4.25b | Rumusan Kategori Kritikal yang Dikuasai Murid berdasarkan Lokasi (n=2013) | 208 |
| Jadual 4.26 | Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II (n=2013) | 209 |
| Jadual 4.27 | Rumusan Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Sekolah Rendah Tahap II Secara Khusus (Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan) | 211 |
| Jadual 4.28 | Deskripsi Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Sekolah Rendah Tahap II Secara Khusus (Mengikut Kategori Kefahaman Bacaan) | 212 |
| Jadual 4.29 | Deskripsi Rubrik dan Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Sekolah Rendah Tahap II Secara Keseluruhan-Peringkat Awal | 213 |
| Jadual 4.30 | Rumusan Deskripsi Rubrik dan Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Sekolah Rendah Tahap II Secara Keseluruhan | 215 |
| Jadual 4.31 | Deskripsi Rubrik dan Tanda Aras Kefahaman Bacaan BM Murid Sekolah Rendah Tahap II – Peringkat Pemurnian | 216 |
| Jadual 5.1 | Rumusan Kemahiran yang dikuasai Murid Tahun 4 | 231 |
| Jadual 5.2 | Rumusan Kemahiran yang dikuasai Murid Tahun 5 | 231 |
| Jadual 5.3 | Rumusan Kemahiran yang dikuasai Murid Tahun 6 | 231 |
| Jadual 5.4 | Rumusan Kemahiran yang dikuasai Murid Lelaki | 233 |
| Jadual 5.5 | Rumusan Kemahiran yang dikuasai Murid Perempuan | 233 |
| Jadual 5.6 | Rumusan Kemahiran yang dikuasai Murid Di Bandar | 236 |
| Jadual 5.7 | Rumusan Kemahiran yang dikuasai Murid Di Luar Bandar | 236 |

SENARAI RAJAH

| | HALAMAN |
|---|----------------|
| Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian | 16 |
| Rajah 2.1 Model Saling-Berhubungan (1826–1882) Membaca Sebagai Seni Ekspresif | 44 |
| Rajah 2.2 Model Peringkat Demi Peringkat (1826–1882) Membaca Sebagai Seni Ekspresif | 45 |
| Rajah 2.3 Komponen Utama Membaca (Gray, 1960) | 48 |
| Rajah 2.4 Model Hubungan Antara Hasil Membaca dan Definisi Ahli Bahasa tentang Membaca | 50 |
| Rajah 2.5 Model Penilaian Kefahaman | 52 |
| Rajah 2.6 Kerangka Teori Kajian | 119 |
| Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian | 124 |
| Rajah 4.1 Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II Secara Keseluruhan | 169 |
| Rajah 4.2 Perbandingan Skor Min Kefahaman Bacaan BM Murid Tahap II secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Kefahaman | 171 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------|---|
| AK | Aras Kesukaran |
| AK | Amaran akademik |
| BM | Bahasa Melayu |
| DS | Di bawah standard |
| HSK | Huraian Sukatan Pelajaran |
| I | Inferens |
| ID | Indeks Diskriminasi |
| IEA | International Association for the Evaluation Achievement |
| IK | Indeks Kesukaran |
| JSI | Jadual Spesifikasi Item |
| K | Kritikal |
| KPM | Kementerian Pendidikan/Pelajaran Malaysia |
| L | Literal |
| M | Maklumat |
| MCS | Mencapai standard |
| MLS | Melebihi standard |
| PIRLS | Progress in International Reading Literacy Study |
| PISA | Program for International Student Assessment |
| PSAE | Prairie State Achievement Examination |
| S | Sastera |
| SK | Soalan kajian |
| T | Teks |
| UPSR | Ujian Pencapaian Sekolah Rendah |

KEFAHAMAN BACAAN BAHASA MELAYU MURID TAHAP II SEKOLAH RENDAH

ABSTRAK

Kefahaman bacaan merupakan salah satu komponen penting dalam kemahiran berbahasa. Melalui kemahiran ini, murid dijangkakan dapat membaca pelbagai genre dan memproses maklumat yang diperolehi secara kritis. Murid juga diharap dapat menggunakan maklumat yang diperolehi untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aras kefahaman bacaan murid. Data yang dikumpul, dianalisis dan digunakan untuk membina rubrik dan deskripsi tanda aras kefahaman bacaan bagi murid Tahap II sekolah rendah. Kajian ini dijalankan di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Seramai 2014 murid yang terdiri daripada 935 murid bandar dan 1079 murid luar bandar atau pinggir bandar telah digunakan sebagai sampel kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aras kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah secara keseluruhan adalah 'baik' dengan skor min 53.4%. Manakala aras kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah secara khusus berdasarkan tiga kategori kefahaman (literal, inferens dan kritikal) menunjukkan perbezaan skor min yang signifikan. Seramai 34.4% murid mencapai aras kefahaman 'melebihi standard', 24.7% murid 'mencapai standard', 17.7% murid berada pada aras kefahaman 'di bawah standard' dan 23.2% murid pada aras 'amaran akademik'. Dari segi jantina, data menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min murid lelaki dan perempuan. Murid perempuan berada pada aras kefahaman 'mencapai standard', manakala murid lelaki berada pada aras kefahaman 'di bawah standard'. Aras kefahaman berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Murid pada kedua-dua lokasi berada pada aras kefahaman 'mencapai standard'. Berdasarkan data yang dianalisis, rubrik dan deskripsi tanda aras kefahaman bacaan BM dibentuk. Rubrik dan deskripsi ini dapat membantu guru mengenal pasti aras kefahaman bacaan murid dengan cepat dan mudah. Pengajaran dan pembelajaran kefahaman bacaan boleh dirancang dengan lebih teliti dan bertepatan dengan keperluan murid. Kajian lanjutan perlu dilakukan dengan populasi dan sampel yang lebih besar supaya data yang diperolehi boleh digunakan sebagai asas membentuk aras kefahaman bacaan pada peringkat nasional.

MALAY LANGUAGE READING COMPREHENSION OF PHASE II PRIMARY SCHOOL PUPILS

ABSTRACT

Reading comprehension is one of the important components in language skills. It is anticipated that with these skills pupils are able to read varied genres and process the information obtained critically. Pupils are also expected to use the information obtained for purposes of problem solving, decision making and disseminating information in both spoken and written forms. This study aims to identify pupils' reading comprehension levels. Data collected were analyzed and used to develop a rubric and description of a reading comprehension level benchmark for Phase II primary school pupils. The study was conducted in the states of Kedah and Penang. A total of 2014 pupils consisting of 935 urban pupils and 1079 rural or suburban pupils formed the sample of this study. The results of the study showed that generally the Malay language reading comprehension level of Phase II primary school pupils was 'good' with a mean score of 53.4%. However, the comprehension level of Malay language of Phase II primary school pupils specifically based on the three categories of comprehension (literal, inferential and critical) showed that there were significant differences in the mean score. A total of 34.4% of the pupils achieved a level of comprehension 'exceeding the standard', 24.7% 'meet the standard', 17.7% were 'below standard' and 23.2% of them were at the 'academic warning' level. In terms of gender, the findings showed that there were significant differences between the mean scores of male and female pupils. Female pupils were at the level of comprehension that 'meets the standard', while male pupils were at the 'below standard' level of comprehension. The level of comprehension based on urban and rural locations showed no significant differences. Pupils at both locations were at the level of comprehension that 'meets the standard'. Based on the data analyzed, the rubric and description of a reading comprehension benchmark for the Malay language was developed. This rubric and description can help teachers identify pupils' reading comprehension levels easily and quickly. The teaching and learning of reading comprehension can be planned more carefully and in accordance with the needs of pupils. Further studies need to be carried out with a larger population and sample to ensure the data obtained can be used as a basis to develop reading comprehension levels at the national level.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Matlamat pengajaran bahasa Melayu (BM) bagi murid Tahap I dan Tahap II Sekolah Rendah berbeza. Pada peringkat awal pendidikan di sekolah rendah, iaitu Tahap I (Tahun 1 hingga 3), pengajaran kemahiran membaca menekankan kebolehan murid mentafsirkan kod atau menterjemah lambang-lambang bertulis (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003a). Proses yang dikenali sebagai 'belajar membaca' ini melibatkan kefahaman fonem, morfem, kata, bunyi dan juga proses transkripsi ortografi (Adam, 1991). Manakala pada Tahap II (Tahun 4 hingga 6) tumpuan pembelajaran lebih diberikan kepada 'membaca untuk pengetahuan' (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003a). Menurut Kingham (2003), pada peringkat ini murid dapat membaca dan mentafsir maklumat yang tersurat dan tersirat. Selanjutnya, Broek dan Kremer (2000) menyatakan bahawa pada tahap ini murid dapat mengenal pasti fakta dan peristiwa yang terdapat dalam teks dan kemudian menghubungkan fakta dan peristiwa tersebut dengan pengalaman sedia ada mereka. Matlamat untuk mencapai tahap ini telah dinyatakan dengan jelas dalam sukatan pelajaran, iaitu pada akhir Tahap II (Tahun 6), murid sepatutnya sudah menguasai kemahiran membaca dengan mantap (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003a).

Keperluan kefahaman bacaan semakin meningkat apabila murid berada di sekolah menengah. Murid di sekolah menengah dikehendaki memahami teks yang lebih kompleks dan ditulis secara implisit (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003e). Gardill dan Jitendra (1999) menjelaskan bahawa pada peringkat ini, murid memerlukan pembentukan kemahiran menaakul yang baik dan kebolehan mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam pelbagai konteks.

Spiro (1980) menyatakan bahawa pembacaan yang mahir ialah proses memahami maksud wacana yang berkaitan dan melibatkan gabungan rangkaian maksud perkataan. Selanjutnya, beliau menambah bahawa hanya sebahagian daripada maksud ditentukan oleh teks kerana membaca merupakan satu proses mentafsir makna secara konstruktif yang mempunyai ciri-ciri pembentukan dan pengujian hipotesis atau model tentang kandungan teks. Proses ini dalam banyak hal serupa dengan penyelesaian masalah. Dalam hubungan ini, Fisher (1990) menjelaskan bahawa murid seharusnya berupaya memahami perkara yang dibaca secara tersurat dan tersirat. Broek dan Kremer (2000) pula menegaskan bahawa matlamat kefahaman membaca memerlukan proses pemikiran yang lebih tinggi seperti membuat tafsiran dan taakulan.

Menurut Strang (1978), kefahaman membaca amat penting untuk menguasai ilmu pengetahuan dalam zaman moden ini. Beliau seterusnya menyatakan bahawa kemahiran membaca adalah satu-satunya cara untuk mendapatkan ilmu

pengetahuan dan kemahiran ini sangat penting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam mata pelajaran akademik. Keupayaan membaca dan memahami teks bukan sahaja penting untuk meningkatkan prestasi mata pelajaran bahasa, malah penting dalam menentukan pencapaian murid dalam mata pelajaran lain. Abdul Aziz Abdul Talib (1993) menegaskan bahawa keperluan murid membaca dan memahami perkara yang dibaca sangat luas bidangnya dan menembusi hampir kesemua mata pelajaran dalam kurikulum sekolah. Dalam konteks pendidikan sekolah rendah kebangsaan di Malaysia, semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran Sains dan Matematik, diajar dengan menggunakan Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa pengantar. Subadrah (2001) juga mengatakan bahawa kelemahan murid dalam kefahaman bacaan bukan sahaja boleh menjejaskan prestasi mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu malah boleh menjejaskan pencapaian mereka dalam mata pelajaran lain. Oleh itu, menguasai kefahaman bacaan ialah satu keperluan bagi setiap murid dan guru harus memastikan kemahiran ini diterjemahkan dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran secara lebih berhati-hati. Pada zaman moden ini, pembelajaran banyak bergantung pada kebolehan seseorang membaca dan memberikan interpretasi yang tepat dan sepenuhnya terhadap perkara yang dibacanya.

Fatimah dan Safiah (1987) pula menyatakan bahawa seseorang yang tidak boleh membaca dianggap mengalami terencat yang serius kerana kemahiran membaca adalah penting dan perlu dikuasai dalam era ledakan pengetahuan

kini. Menurut mereka lagi, melalui pembacaan, maklumat baru atau pengetahuan boleh diperoleh dengan mudah dan cepat. Lyon (1999) juga menyatakan bahawa tanpa kebolehan membaca, peluang kejayaan akademik dan pekerjaan adalah sangat terhad. Beliau seterusnya menegaskan bahawa walaupun membaca penting tetapi kesukaran belajar membaca membantutkan keseronokan dan minat untuk belajar bagi kebanyakan kanak-kanak yang baru memasuki alam persekolahan.

Sehubungan itu, guru harus mengenal pasti dan menentukan kemahiran yang perlu dikuasai murid agar keupayaan kefahaman bacaan mereka dapat ditingkatkan. Dalam usaha meningkatkan kemahiran kefahaman bacaan murid, aras kefahaman murid perlu diketahui dan difahami. Baguley (2001) menyatakan bahawa mengetahui hasil kerja murid boleh menunjukkan 'di mana' dan 'ke mana' sepatutnya aras keupayaan mereka. Guru boleh mengetahui aras kefahaman bacaan murid dengan cara mengesan penguasaan kemahiran kefahaman yang telah atau belum dikuasai murid, dan seterusnya guru dapat memberi perhatian terhadap kemahiran-kemahiran tertentu. Oleh yang demikian, aras kefahaman bacaan murid dapat dikesan dan tanda aras kefahaman bacaan boleh dibentuk.

Tanda aras atau peringkat pemikiran murid ini penting sebagai garis panduan kepada guru untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran supaya sesuai dengan keperluan atau keupayaan murid. Pada peringkat antarabangsa

khususnya negara-negara bekas tanah jajahan British, perkara berkaitan penguasaan kemahiran kefahaman bacaan telah dibincangkan oleh menteri-menteri negara Commonwealth sejak bulan Mac 1997. Mereka sepakat menyatakan bahawa setiap murid yang tamat sekolah rendah sepatutnya boleh membaca pada aras yang sesuai (Ministerial Council on Education, Employment, Training and Youth Affairs, 2004). Bagi menyokong matlamat ini, para menteri Commonwealth juga bersetuju bahawa bermula dari tahun 1997, setiap murid perlu mencapai aras literasi minimum dalam tempoh empat tahun persekolahan. Progress in International Reading Literacy Study atau PIRLS 2001, 2006, 2011 (Mullis, et al. 2003, 2007 & 2012) telah menjalankan kajian perbandingan kefahaman bacaan peringkat sekolah rendah di beberapa buah negara di seluruh dunia. Hasil kajian ini telah memberi sumbangan yang signifikan kepada aras kefahaman bacaan. Kerangka kajian PIRLS ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 2.

Berdasarkan kepentingan kefahaman bacaan dalam dunia pendidikan khususnya dan dalam era globalisasi amnya, aras kefahaman bacaan murid sekolah rendah di Malaysia perlu ditinjau dan dikaji. Maklumat atau data yang diperoleh dapat menentukan aras kefahaman bacaan murid secara umum dan mengenal pasti kemahiran yang telah dan belum dikuasai secara khusus. Berdasarkan skor yang diperoleh, tanda aras kefahaman bacaan murid sekolah rendah boleh dibina. Tanda aras yang dibina juga dapat membantu guru dan murid dalam menentukan aras dan kemahiran kefahaman bacaan yang sudah

dan belum dikuasai. Dengan ini, guru dapat merancang pengajaran dan membantu murid mengatasi kelemahan dalam kemahiran kefahaman tertentu.

1.2 Pernyataan Masalah

Murid yang menghadapi masalah kefahaman bacaan, perlu dinilai secara berhati-hati supaya masalah kefahaman bacaan yang dihadapi oleh mereka dapat benar-benar dikenal pasti (Allerson & Grabe's, 1986). Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003a) dan Menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003b), kefahaman bacaan merupakan salah satu komponen penting. Kedua-dua sukatan pelajaran ini menyatakan bahawa pada akhir pengajaran dan pembelajaran kefahaman bacaan, murid dapat membaca pelbagai genre dan memproses maklumat yang diperoleh secara kritis. Murid juga diharap dapat menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003a dan 2003b).

Dalam usaha mencapai matlamat ini, guru perlu mempunyai maklumat yang jelas tentang penguasaan kefahaman bacaan murid. Di sekolah rendah ketika ini, petunjuk yang ada hanyalah markah ujian bulanan, ujian pertengahan dan akhir tahun dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Markah dalam ujian-ujian ini ialah markah keseluruhan yang meliputi aspek ketatabahasaan dan kefahaman bacaan. Dalam UPSR 2006 (Kementerian Pelajaran Malaysia,

2006) misalnya, Kertas 011 Bahasa Melayu mengandungi 40 soalan aneka pilihan. Daripada jumlah itu, hanya 10 soalan kefahaman bacaan berdasarkan dua teks bacaan dikemukakan dan bakinya ialah soalan-soalan ketatabahasaan. Markah bagi kertas ini kemudiannya digredkan secara keseluruhan mengikut pencapaian murid sama ada A, B, C, D atau E sebagai markah ujian pemahaman. Bentuk ujian pemahaman yang sedemikian rupa sebenarnya telah dipraktikkan oleh guru di sekolah dalam ujian bulanan, pertengahan dan akhir tahun (Yahya Che Lah, 1996). Markah bagi ujian-ujian ini tidak dapat menunjukkan penguasaan kefahaman bacaan murid yang sebenar dan tidak boleh dijadikan panduan oleh guru kerana markah yang diperoleh tidak menggambarkan penunjuk yang sebenar tentang kemahiran dan aras kefahaman bacaan murid sekolah rendah. Schwartz (1984) pula mengatakan ujian sedia ada dan ujian yang terdapat di pasaran kurang menumpukan aspek kefahaman bacaan mengikut asas teoretikal. Beliau selanjutnya menegaskan bahawa ujian seharusnya boleh memberi maklumat yang diperlukan untuk membantu penyediaan bahan untuk murid secara individu.

Kajian Yahya Che Lah (1996) menunjukkan markah ujian-ujian yang sering digunakan di sekolah tidak dapat dibandingkan dengan markah sebenar sebagai satu rujukan baku. Guru sekadar membuat perbandingan pencapaian murid pada tahun semasa dengan tahun-tahun yang terdahulu, dan kemudiannya guru membuat kesimpulan sama ada pencapaian semasa murid lebih baik atau kurang baik (Yahya Che Lah, 1996). Dalam hal ini, Robbins dan DeCenzo

(2001) menyatakan bahawa membuat perbandingan ialah salah satu peringkat mengawal pembentukan pengurusan. Mereka seterusnya menyatakan bahawa proses pengawalan mengandungi tiga langkah yang berbeza, iaitu 1) mengukur pencapaian sebenar, 2) membanding pencapaian dengan sesuatu standard, dan 3) mengambil tindakan untuk membaiki jurang atau kekurangan. Ketiga-tiga proses ini penting tetapi dalam konteks pendidikan BM di Malaysia, hal ini belum dilaksanakan. Perbandingan pencapaian sebenar murid dengan rujukan standard adalah penting dan perancangan selanjutnya boleh dilakukan dengan lebih teratur dan tepat.

Di sekolah rendah ketika ini, ujian yang sedia ada atau yang dibentuk oleh guru tidak berjaya mengukur kemahiran kefahaman bacaan yang sepatutnya perlu diukur. Sehubungan itu, Schwartz (1984) dan Dessler (1998) menegaskan bahawa keupayaan murid menjawab soalan-soalan kefahaman bacaan boleh digunakan sebagai alat ukur kebolehbacaan murid. Dessler (1998) menjelaskan bahawa melalui perbandingan aras kemahiran bacaan murid dengan set kefahaman bacaan standard, kebolehbacaan murid boleh ditentukan sama ada murid melebihi standard, mencapai standard, di bawah standard, atau memerlukan perhatian akademik. Selanjutnya, beliau mencadangkan murid yang pencapaian mereka berada di bawah standard misalnya, boleh diberi pemulihan supaya mampu mencapai keupayaan sebenar. Sementara murid yang mencapai kebolehbacaan yang tinggi boleh diberi latihan yang lebih mencabar atau pengayaan. Empat aras ini, iaitu melebihi standard, mencapai

standard, di bawah standard, atau memerlukan perhatian akademik untuk menentukan penguasaan kemahiran kefahaman dan aras kefahaman bacaan belum lagi digunakan dalam konteks pengajaran kefahaman bacaan BM di Malaysia.

Selain itu, di sekolah rendah markah BM hanya diberi pangkat atau gred bagi setiap murid yang menduduki peperiksaan (Yahya Che Lah, 1996). Gred ini hanya menunjukkan pencapaian murid dalam BM secara keseluruhan. Gred ini tidak melambangkan aras kefahaman bacaan murid sebenar. Guru tidak mengetahui aras kefahaman bacaan murid berdasarkan soalan yang boleh dijawab dan soalan yang tidak boleh dijawab. Selanjutnya, guru tidak dapat menentukan kemahiran yang mana perlu diberi penekanan. Sementara itu, ibu bapa kurang atau tidak mengetahui langsung tentang pencapaian sebenar murid setelah ujian dijalankan. Nutbrown (1994) berpendapat bahawa sekiranya murid dapat memberitahu perkara yang difikirkan, maka ibu bapa dan guru ialah orang paling penting yang berupaya membantu meningkatkan kefahaman bacaan mereka. Markah atau gred tidak menunjukkan aras kefahaman bacaan secara umum dan kemahiran kefahaman tertentu murid secara khusus. Gred atau markah juga tidak menunjukkan kosa kata yang murid tahu dan tidak memberi penerangan sama ada murid boleh atau tidak boleh menjawab soalan-soalan kefahaman literal dan inferens berdasarkan teks yang diberi. Kubiszyn dan Borich (2003) menegaskan bahawa ujian yang dibentuk tidak berjaya mengukur kemahiran-kemahiran yang penting dalam kefahaman bacaan.

Sehingga kini, di Malaysia tidak ada lagi kajian tentang tanda aras kefahaman bacaan BM di sekolah rendah. Hanya terdapat kajian Nor Hashimah Hashim et al. (2006) yang membina instrumen dan mengukur aras kefahaman bacaan BM murid sekolah rendah. Dalam kajian ini, tanda aras kefahaman bacaan tidak dibina. Manakala dalam kajian Lin Siew Eng (2009) pula, beliau telah membina instrumen ujian pemahaman bacaan bahasa Inggeris untuk pelajar Tingkatan 1 hingga 5 di sekolah menengah. Dengan itu, tanda aras kefahaman bacaan BM di sekolah rendah perlu dibentuk bagi mengesan kemahiran yang telah dikuasai murid atau mengenal pasti kemahiran yang kurang atau tidak dikuasai murid. Tanda aras ini juga boleh menjadi panduan guru untuk tindakan pemulihan atau pengayaan selanjutnya. Dengan pengesanan ini, guru dapat menumpukan perhatian kepada kemahiran yang kurang atau tidak dikuasai murid. Langkah ini bukan sahaja boleh menjimatkan masa, malah pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih seronok kerana guru tidak mengulang kemahiran yang telah dikuasai. Sebaliknya, pengajaran dan pembelajaran sentiasa mencabar minda murid.

Di negara barat, kajian tentang kefahaman bacaan telah banyak dijalankan (Rosenshine, 1980; Blachowicz & Ogle, 2001; Campbell, 2001; Kingham, 2003; & Ministerial Council on Education, Employment, Training and Youth Affairs, 2004). Di Australia misalnya, tanda aras literasi Tahun 3, 5 dan 7 dilaksanakan sejak tahun 1997, iaitu selari dengan persetujuan yang telah dicapai oleh menteri-menteri Commonwealth (Ministerial Council on Education, Employment,

Training and Youth Affairs, 2004). Pengesanan tanda aras perlu dilakukan pada peringkat awal lagi kerana menurut laporan ini, murid yang tidak mencapai aras kebolehbacaan yang sesuai boleh menimbulkan masalah pembelajaran di sekolah.

Kefahaman bacaan merupakan proses intelektual yang kompleks (Dechant, 1981; & Rubin, 1991) yang melibatkan beberapa kategori dan kemahiran kefahaman. Dagostino dan Carifio (1994) menyatakan kefahaman bacaan terbahagi kepada literal dan inferens. Sementara Barretts (1976) menjelaskan bahawa kefahaman terdiri daripada empat kategori dan setiap kategori mengandungi beberapa kemahiran. Beberapa persoalan yang timbul adalah 'Bagaimanakah kategori dan kemahiran kefahaman dapat diukur?', 'Bagaimanakah aras kefahaman dapat ditentukan?' dan 'Apakah tanda aras kefahaman bacaan murid sekolah rendah di Malaysia?'

Selanjutnya, analisis kategori soalan kefahaman BM peringkat peperiksaan UPSR (1999-2006) seperti dalam Jadual 1.1 menunjukkan bilangan soalan untuk kategori inferens dan kritikal adalah kurang berbanding dengan soalan kategori literal. Dalam tempoh 8 tahun, iaitu mulai tahun 1999 hingga tahun 2006, sebanyak 140 soalan telah dikemukakan dalam peperiksaan UPSR. Daripada jumlah itu, 128 (91.4%) soalan berbentuk literal, sementara 7 (5%) soalan berbentuk inferens dan selebihnya, iaitu 5 (3.6%) soalan berbentuk kritikal. Pada tahun 2000 dan 2003, tidak terdapat soalan kategori inferens dan kritikal

dikemukakan. Pada tahun 2002 pula, tidak terdapat soalan kategori inferens dikemukakan kepada murid yang menduduki peperiksaan UPSR. Sementara pada tahun 2004 dan 2006 pula, soalan kategori kritikal diketepikan. Berdasarkan Taksonomi Bloom (Bloom, 1956), 991.4% soalan kefahaman bacaan dalam UPSR (1999-2006) adalah pada aras pengetahuan dan kefahaman sahaja. Data ini juga menunjukkan bahawa ‘kemahiran membaca berfokus pada aspek pemahaman dan penaakulan kandungan teks secara kritis’ seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a) tidak diterjemahkan dalam UPSR.

Jadual 1.1: Analisis Kategori Soalan Kefahaman UPSR 1999-2006

| Tahun | Jumlah Teks | Jenis Soalan | | | Jumlah |
|---------------|-------------|--------------|----------|----------|------------|
| | | Literal | Inferens | Kritikal | |
| 1999 | 4 | 18 | 1 | 1 | 20 |
| 2000 | 4 | 20 | | | 20 |
| 2001 | 4 | 16 | 3 | 1 | 20 |
| 2002 | 4 | 18 | | 2 | 20 |
| 2003 | 4 | 20 | | | 20 |
| 2004 | 4 | 19 | 1 | | 20 |
| 2005 | 2 | 8 | 1 | 1 | 10 |
| 2006 | 2 | 9 | 1 | | 10 |
| Jumlah | 28 | 128 | 7 | 5 | 140 |

Dengan itu, satu tinjauan untuk mengenal pasti aras kefahaman bacaan BM perlu dilakukan. Berdasarkan tinjauan aras kefahaman bacaan BM di sekolah rendah, tanda aras, rubrik dan deskripsi kefahaman bacaan dapat dibentuk. Oleh kerana kefahaman bacaan merupakan kemahiran yang paling penting dikuasai murid di sekolah, Shin (2004) menegaskan bahawa pembentukan satu tanda aras yang jelas mengikut perkembangan yang bersesuaian adalah kritikal.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan masalah yang dibincangkan di atas, matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti aras dan kemahiran kefahaman bacaan murid sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti bentuk rubrik dan deskripsi tanda aras kefahaman bacaan murid. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti **aras** kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah mengikut kategori kefahaman bacaan (literal, inferens dan kritikal).
2. mengenal pasti **kemahiran** kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah yang dikuasai dan tidak dikuasai mengikut kategori kefahaman (literal, inferens dan kritikal).
3. mengenal pasti **aras** kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah berdasarkan pemboleh ubah demografi, iaitu tahun persekolahan, jantina dan lokasi.
4. mengenal pasti **kemahiran** kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah yang dikuasai berdasarkan pemboleh ubah demografi, iaitu tahun persekolahan, jantina dan lokasi.
5. membina rubrik dan deskripsi tanda aras kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian berikut dibentuk:

1. Apakah aras kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah mengikut kategori kefahaman (literal, inferens dan kritikal)?
2. Apakah kemahiran kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah yang dikuasai dan tidak dikuasai mengikut kategori kefahaman bacaan (literal, inferens dan kritikal)?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah berdasarkan pemboleh ubah demografi, iaitu tahun persekolahan, jantina dan lokasi?
4. Apakah kemahiran kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah yang dikuasai berdasarkan pemboleh ubah demografi, iaitu tahun persekolahan, jantina dan lokasi?
5. Apakah kriteria rubrik dan deskripsi tanda aras kefahaman bacaan BM murid sekolah rendah?

1.5 Hipotesis Kajian


Hipotesis kajian merujuk kepada soalan kajian 3.

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras kefahaman bacaan BM mengikut tahun persekolahan (Tahun 4, 5 dan 6).
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras kefahaman bacaan BM antara murid lelaki dan perempuan.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras kefahaman bacaan BM antara murid bandar dan luar bandar.

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau aras kefahaman bacaan murid Tahap II sekolah rendah secara keseluruhan dan secara khusus mengikut kategori kefahaman bacaan, iaitu literal, inferens dan kritikal (Lihat Rajah 1.1). Ketiga-tiga kategori yang dipilih ini berdasarkan empat model membaca yang dicadangkan oleh beberapa penyelidik atau penulis (Bloom, 1956; Gary, 1960; Strang, 1972; Barrett, 1976; Pearson & Johnson, 1978; Herber, 1978; Rubin, 1991; Ismail dan rakan-rakan, 1992; PIRLS, 2001; Miller, 2001 dan; Nor Hashimah et al. 2006) dan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Bab II.

Kategori kefahaman literal merangkumi enam kemahiran, iaitu L1 mengecam makna, L2 mengenal pasti idea utama, L3 mengecam isi penting, L4 membuat perbandingan, L5 mengenal pasti sebab akibat dan L6 mengenal pasti turutan idea/ peristiwa. Kategori inferens meliputi lima kemahiran, iaitu F1 mentafsir idea utama, F2 mentafsir isi penting, F3 mentafsir perbandingan, F4 mentafsir sebab akibat, dan F5 membuat kesimpulan. Kategori kritikal pula terdiri daripada tiga kemahiran, iaitu K1 menilai, K2 membuat kesimpulan, dan K3 menghayati dan pengajaran. Semua kemahiran dalam setiap kategori kefahaman bacaan ini dikenal pasti sama ada dikuasai atau tidak dikuasai murid Tahap II sekolah rendah. Kod L, F dan K masing-masing merujuk kepada kemahiran-kemahiran dalam kategori literal, inferens dan kritikal yang diubah suai daripada kajian Nor Hashimah Hashim et al. (2006).



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

Bagi menentukan aras, kategori dan kemahiran kefahaman yang dikuasai atau tidak dikuasai, empat aras berdasarkan Prairie State Achievement Examination

atau PSAE (Illinois State Board of Education, 2004) digunakan dalam kajian ini, iaitu 1) melebihi standard, 2) mencapai standard, 3) di bawah standard, dan 4) amaran akademik. Selain itu, kajian ini akan mengenal pasti perbezaan aras kefahaman bacaan BM murid Tahap II sekolah rendah berdasarkan pemboleh ubah demografi, iaitu tahun persekolahan, jantina dan lokasi. Ketiga-tiga pemboleh ubah demografi ini merupakan pemboleh ubah bebas.

Manakala aras dan kategori kefahaman merupakan pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan data yang diperoleh daripada kategori dan kemahiran kefahaman, rubrik dan deskripsi tanda aras kefahaman bacaan BM murid Tahap II dibentuk.

1.7 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini dan perlu diberi definisi. Istilah tersebut ialah kefahaman bacaan, kategori kefahaman bacaan, aras dan tanda aras, dan murid sekolah rendah.

1.7.1 Kefahaman Bacaan

Schwartz (1984) mendefinisikan membaca sebagai semua proses yang melibatkan pemerolehan makna daripada bahan cetakan atau penulisan. Beliau merumuskan membaca sebagai bukan satu kemahiran sahaja; membaca adalah dinamik, dan merupakan satu set proses kognitif yang fleksibel.

Johnston (1983) memberikan dua pendapat yang berbeza tentang kefahaman bacaan. Pertama, kefahaman bacaan ialah proses atau produk interaksi

pembaca dengan teks. Kedua, kefahaman bacaan ialah proses holistik dan proses ini mengandungi subproses yang berbeza-beza. Davis (1972) sebelum ini menyatakan sub-proses merupakan subkemahiran yang berbagai-bagai berdasarkan beberapa kajian yang menggunakan analisis faktor dan analisis logikal.

Dalam kajian ini, kefahaman bacaan merupakan proses membentuk makna daripada teks. Tegasnya, kefahaman bacaan merujuk kepada sekumpulan kemahiran yang boleh dikelaskan mengikut taksonomi atau kategori daripada yang mudah kepada yang lebih susah, yang melibatkan interaksi murid, teks dan proses atau aktiviti memahami itu sendiri.

1.7.2 Kategori Kefahaman Bacaan

Beberapa pengkaji menyatakan bahawa kefahaman bacaan boleh dibahagikan sama ada tiga, empat atau lima taksonomi atau kategori (Bloom et al., 1956; Robeck dan Wilson, 1974; Barrett, 1976; Pearson dan Johnson, 1978; Dechant, 1981; Rosenshine, 1980; & Rubin, 1991). Taksonomi berdasarkan tinjauan literatur bermaksud tahap, kategori atau jenis kefahaman yang terdiri daripada beberapa sub-kemahiran kefahaman (Gray, 1960; Clymer, 1972; Barrett, 1976; & Rosenshine, 1980). Istilah taksonomi, tahap, kategori atau jenis kefahaman mempunyai maksud yang sama, iaitu klasifikasi.

Dalam kajian ini, istilah kategori dipilih bagi merujuk pada tiga jenis kefahaman bacaan, iaitu 1) kategori literal, 2) kategori inferens, dan 3) kategori kritikal.

Setiap kategori kefahaman tersebut mempunyai beberapa kemahiran (perbincangan lebih terperinci dalam Bab 2 dan 3). Kemahiran-kemahiran setiap kategori dan kod yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Kategori Literal

- L1 mengecam makna
- L2 mengenal pasti idea utama
- L3 mengecam isi penting
- L4 membuat perbandingan
- L5 mengenal pasti sebab akibat
- L6 mengenal pasti turutan idea/peristiwa

Kategori Inferens

- F1 mentafsir idea utama
- F2 mentafsir isi penting
- F3 mentafsir perbandingan
- F4 mentafsir sebab akibat
- F5 membuat kesimpulan

Kategori Kritikal

- K1 menilai
- K2 membuat kesimpulan
- K3 menghayati, mengesan & pengajaran

Dalam analisis data kajian ini, aras kefahaman bacaan secara keseluruhan merujuk kepada skor min ketiga-tiga kategori kefahaman bacaan. Manakala aras kefahaman bacaan secara khusus merujuk kepada skor min setiap kategori kefahaman bacaan, iaitu literal, inferens dan kritikal.

1.7.3 Aras dan Tanda Aras

Aras bermaksud peringkat atau tingkat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Dalam kajian ini, aras kefahaman bacaan merujuk kepada peringkat pemikiran murid sekolah rendah dalam memahami teks yang dibaca. Setiap peringkat pemikiran ini ditentukan berdasarkan skor murid dalam menjawab 50 soalan atau item berkaitan tiga kategori kefahaman, iaitu literal, inferens dan kritikal. Skor murid akan diperingkatkan pada empat aras, iaitu 1) sangat baik, 2) baik, 3) kurang baik dan 4) tidak baik. Pemeringkatan aras ini ditentukan selepas data diperoleh dan dianalisis.

Empat aras ini selari dengan aras yang dicadangkan PSAE (Illinois State Board of Education, 2004). Dalam PSAE, pencapaian murid dalam pelbagai kemahiran dan mata pelajaran, iaitu membaca, menulis, matematik dan sains diukur berdasarkan empat aras, iaitu 1) melebihi standard, 2) mencapai standard, 3) di bawah standard, dan 4) amaran akademik. Aras PSAE ini digunakan dalam kajian ini kerana aras ini telah digunakan di Illinois State dan didapati sesuai untuk mengukur pelbagai kemahiran dan mata pelajaran.

Tanda aras (benchmark) pula merujuk kepada standard untuk mengukur sesuatu berdasarkan standard tertentu bagi tujuan membanding dan meningkatkan pencapaian/produk seseorang (The Free Dictionary, 2010). Dalam kajian ini, tanda aras merujuk kepada standard untuk mengukur dan menilai aras kefahaman bacaan BM murid sekolah rendah yang meliputi kategori dan kemahiran kefahaman bacaan.

1.7.4 Rubrik dan Deskripsi

Rubrik didefinisikan oleh Zimmario (2004) sebagai satu garis panduan skor yang sistematis untuk menilai prestasi murid dengan menggunakan deskripsi standard prestasi yang lengkap. Rubrik juga digunakan untuk mendapatkan skor yang tekal dalam kalangan semua murid. Selain itu, rubrik membolehkan murid lebih sedar jangkaan prestasi dan seterusnya meningkatkan prestasi mereka. Miller (2005) pula menjelaskan bahawa rubrik merupakan deskripsi bertulis tentang perkara yang dijangkakan untuk mencapai aras pencapaian tertentu dan menyediakan kriteria tentang standard untuk penilaian sesuatu tugas (Miller, 2005).

Dalam kajian ini, rubrik tanda aras kefahaman bacaan merujuk kepada jadual yang menjelaskan aras dan deskripsi kefahaman bacaan BM murid sekolah rendah. Dalam rubrik tanda aras kefahaman bacaan BM terkandung kategori dan kemahiran-kemahiran kefahaman bacaan yang perlu dikuasai murid sekolah rendah secara keseluruhan dan khusus mengikut kategori kefahaman bacaan (literal, inferens dan kritikal).

1.7.5 Murid Sekolah Rendah

Murid sekolah rendah dalam kajian ini meliputi kanak-kanak yang berumur 10 hingga 12 tahun, iaitu murid yang berada dalam Tahun 4 hingga 6, Tahap II di Pulau Pinang dan Kedah. Murid Tahap II ini dijangka sudah boleh membaca teks yang sesuai dengan peringkat umur mereka. Dalam pemilihan sampel

kajian, murid Tahun 4, 5 dan 6 dari sekolah rendah kebangsaan di bandar dan luar bandar mempunyai peluang yang sama untuk terlibat.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau aras kefahaman bacaan BM dan menghasilkan tanda aras kefahaman bacaan murid sekolah rendah. Data yang diperolehi dapat menggambarkan aras sebenar penguasaan kemahiran kefahaman bacaan murid Tahap II sekolah rendah. Ujian-ujian semasa yang dijalankan lebih kepada menggariskan murid sama ada A, B, C, D atau E. Murid yang mendapat gred A dikategorikan sebagai amat cemerlang, gred B cemerlang, gred C mencapai tahap minima, Gred D berada pada aras lemah, manakala Gred E dikatakan gagal, iaitu tidak mencapai aras minima. Gred ini hanya menunjukkan pencapaian keseluruhan dan tidak menggambarkan penguasaan kemahiran tertentu yang dikuasai atau tidak dikuasai murid Tahap II.

Tanda aras kefahaman bacaan yang dibina boleh digunakan oleh guru untuk murid Tahun 4, 5 atau 6. Tanda aras ini boleh dilaksanakan sama ada pada awal, pertengahan atau akhir tahun bagi mengenal pasti kemahiran yang dikuasai dan kurang dikuasai murid. Berpandukan tanda aras kefahaman bacaan ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran kemahiran kefahaman yang belum dikuasai murid.

Data yang diperoleh bukan sahaja boleh menjadi petunjuk kepada guru dan murid berkenaan tetapi juga petunjuk terhadap penguasaan kefahaman bacaan BM secara keseluruhan murid di dalam kelas, sekolah, daerah dan juga negeri. Langkah ini lebih memudahkan guru, pihak sekolah, daerah dan negeri merancang tindakan susulan secara kolektif.

Sekiranya ujian ini dilaksanakan di semua negeri, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia boleh menentukan tanda aras kefahaman seluruh negara. Dengan adanya maklumat ini, pihak kementerian melalui Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Pusat Teknologi Pendidikan dan Lembaga Peperiksaan boleh merancang strategi yang sesuai, seperti pembinaan kurikulum, teknologi pengajaran dan pembelajaran dan juga penilaian kecekapan membaca pelajar.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini meninjau aras kefahaman bacaan BM murid sekolah rendah. Aras kefahaman diukur menggunakan ujian kefahaman berbentuk soalan aneka pilihan yang merangkumi tiga kategori kefahaman, iaitu literal, inferens dan kritikal (Nor Hashimah Hashim et al. 2006). Populasi dan sampel kajian melibatkan murid Tahun 4, 5 dan 6 yang terdiri daripada murid sekolah di bandar dan luar bandar yang boleh membaca kerana kajian ini bertujuan mengukur aras kefahaman. Analisis deskriptif dan inferens digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian tidak digunakan untuk membuat generalisasi terhadap seluruh

murid Tahap II di Malaysia tetapi dapatan bertujuan untuk meninjau aras kefahaman bacaan BM dan data yang diperoleh dapat digunakan untuk membina tanda aras.

1.10 Kesimpulan

Membaca dan memahami teks ialah satu keperluan untuk mendapatkan ilmu. Bagi memenuhi hasrat ini, murid perlu diajar supaya menguasai kemahiran kefahaman sejak sekolah rendah lagi. Murid yang lambat menguasai kemahiran ini akan menghadapi masalah pembelajaran kerana hampir keseluruhan mata pelajaran akademik terlibat aktiviti membaca. Penilaian yang dilaksanakan pada setiap bulan dan tahun tidak dapat menunjukkan kebolehbacaan sebenar murid. Hal ini boleh menyebabkan pengajaran dan pembelajaran kefahaman bacaan menjadi hambar kerana guru tidak dapat memfokuskan keperluan sebenar murid. Tinjauan aras kefahaman dan tanda aras kefahaman bacaan yang dicadangkan oleh pengkaji boleh digunakan sebagai alat untuk mengesan aras kefahaman bacaan murid. Maklumat sebenar murid boleh membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.